

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI
MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]

SOALAN NO. 192

Y.B. DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pelaksanaan pengecualian
duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengecualian duti setem yang diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama seperti yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2019 adalah seperti berikut:

- a. Pengecualian duti setem 100% ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga sehingga RM300,000 bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020;
- b. Pengecualian duti setem 100% terhadap ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga di antara RM300,001 sehingga RM1 juta daripada mana-mana pemaju perumahan bagi tempoh 6 bulan sahaja bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019; dan
- c. Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga di antara RM300,001 sehingga RM500,000. Pengecualian duti 100% yang diberikan adalah terhadap kepada nilai RM300,000 pertama harga rumah tersebut. Baki selebihnya adalah tertakluk kepada kadar duti setem semasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Julai 2019 sehingga 31 Disember 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sempena Kempen Pemilikan Rumah dari 1 Januari 2019 hingga 30 Jun 2019, Kerajaan juga memberi pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta. Pengecualian duti setem 100% diberikan terhadap kepada RM1 juta pertama nilai rumah tersebut. Baki selebihnya adalah tertakluk kepada kadar 3%. Selain itu, Kerajaan juga memberikan pengecualian duti setem 100% ke atas perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman bernilai melebihi RM300,000 sehingga RM2.5 juta.

Pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama di atas dilaksanakan melalui pewartaan 5 perundangan subsidiari iaitu seperti berikut:

- a. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.6) 2018 - P.U(A) 377
- b. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.4) 2018 - P.U(A) 321
- c. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.7) 2018 - P.U(A) 378
- d. Perintah Duti Setem (Peremitan) 2018 - P.U(A) 320
- e. Perintah Duti Setem (Peremitan) 2019 - P.U.(A) 49

Tuntutan pengecualian duti setem boleh dibuat kepada semua Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 18 Mac 2019, sebanyak 1,634 tuntutan pengecualian duti setem telah diluluskan.